

## Maklumat Kursus

- 1) **Kod Kursus** : **TTTK2153**
- 2) **Nama Kursus / Course Title** : **Perkongsian Maklumat/*Information Sharing***
- 3) **Kredit** : **3**
- 4) **Taraf Kursus** : **Wajib Program**
- 5) **Sinopsis / Synopsis:**

Perkongsian maklumat adalah suatu aktiviti penting dalam kehidupan manusia. Pada masa ini kebanyakan perkongsian maklumat dilakukan secara berkomputer melalui Internet. Kursus ini membincangkan konsep sistem perkongsian maklumat berkomputer, kepentingan dan cara pengimplementasiannya. Penekanan diberikan kepada pembangunan dan pelaksanaan aplikasi dalam persekitaran rangkaian. Di samping itu, dihuraikan secara menyeluruh infrastruktur rangkaian komputer dan telekomunikasi yang menyokong aplikasi-aplikasi tersebut. Tajuk yang dibincangkan adalah keperluan kepada perkongsian maklumat, pengenalan kepada rangkaian komputer, senibina sistem dengan memberi tumpuan kepada model TCP/IP, protokol bagi aplikasi asas seperti SMTP, FTP dan HTTP. Pelajar juga akan diperkenalkan dengan jenis-jenis rangkaian, kaedah penghantaran data serta masalah keselamatan dalam sistem rangkaian perkongsian maklumat.

*This course will introduce information sharing system using computer, the benefit and the implementation. This course will emphasize on the application development and implementation in network environment. Besides, the infrastructure of computer network and telecommunication that support those applications will also be discussed. Topics discussed are: the need to share the information, introduction to computer network, system architecture with TCP/IP model, basic application protocol like SMTP, FTP and HTTP. Students will also be introduced to types of network, types of transmission and security aspect in the network system. The development of simple application in network environment will also be introduced.*

- 6) **Pra-Keperluan** : **Tiada**
- 7) **Keperluan Kursus<sup>1</sup> untuk Menduduki Peperiksaan / Course Requirements to sit for Examination** (Rujuk Peraturan UKM Pengajian Sarjanamuda pindaan 2009).

Pelajar perlu memenuhi 70% keperluan komponen pentaksiran kursus tetapi tidak termasuk komponen pentaksiran penilaian akhir dengan melengkap item pentaksiran tersebut semasa minggu pengkuliahahan.

---

<sup>1</sup> Keperluan Kursus boleh meliputi peratusan kehadiran, bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahahan. Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya 2 minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pendaftar Akademik.

**8) Rujukan:**

William Stallings, *Data and Computer Communications*, Tenth Edition, Pearson Education Limited, 2014.

Behrouz A. Forouzan, *Data Communications and Networking*, 5th Edition Update, McGraw-Hill International Edition, 2012.

Curt M. White, *Fundamentals of Networking and Data Communications*, 6th Edition, Course Technology Cengage Learning, 2011

Jery FitzGerald and Alan Dennis, *Fundamentals of Business Data Communications*, Tenth Edition, John Wiley & Sons, 2010.

Annabel Z. Dodd, *The Essential Guide to Telecommunications*, 5th Edition, Prentice Hall, 2012.

**9) Senarai Hasil Pembelajaran Kursus :**

Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:

<b>HPK1</b>	Menjelaskan konsep dan teknologi rangkaian komputer dan Internet. <i>Explain concept and technologies related to computer network and internet.</i>
<b>HPK2</b>	Menerangkan kepentingan Internet dan rangkaian komputer bagi perkongsian maklumat. <i>Describe the importance of Internet and computer network for information sharing.</i>
<b>HPK3</b>	Mereka bentuk rangkaian dan aplikasi yang bersesuaian dengan keperluan organisasi. <i>Design appropriate network and application based on the organisational needs.</i>

**10) Hasil Pembelajaran Program (HPP)**

Pada akhir program ini, pelajar berupaya untuk:

<b>HPP1</b>	Mempamer pengetahuan berkenaan fakta asas, konsep, prinsip dan teori yang berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.
<b>HPP2</b>	Mengaplikasi metodologi, model dan teknik bersesuaian yang menjadi asas untuk analisis, reka bentuk, pembangunan, pengujian dan pelaksanaan, penilaian, penyenggaraan dan dokumentasi perisian sistem berskala besar.
<b>HPP3</b>	Menyemai kemahiran dan tanggungjawab sosial dalam membangun produk komputeran berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.
<b>HPP4</b>	Mempamer sikap profesionalisme dan sosial serta pertimbangan etika yang berlandaskan prinsip etika dan perundangan berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.
<b>HPP5</b>	Mempamer keupayaan memimpin, kemahiran antara perorangan dan bekerja secara berpasukan
<b>HPP6</b>	Mempamer kemahiran menganalisis dan berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah mengguna teknik berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat

<b>HPP7</b>	Mempraktik kemahiran pengurusan maklumat dan prinsip pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan akademik dan kerjaya berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.
<b>HPP8</b>	Mempraktik kemahiran mengurus dan keusahawanan dalam perspektif meluas berkaitan bidang Kejuruteraan Perisian khususnya dalam Pembangunan Sistem Maklumat.

11) Pentaksiran:

TTTK2153 - Perkongsian Maklumat  Pada akhir kursus ini, pelajar berupaya untuk:		Tahap Taksonomi	Indikator	HPP	*Pemboleh (1) / *Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%)				Beban Pembelajaran Pelajar (SLT)
							Kuiz	Tugasan/ Pembentangan	Laporan	Peperiksaan Akhir Bertulis	
<b>HPK1</b>	Menjelaskan konsep dan teknologi rangkaian komputer dan Internet.	C2	• Laporan	1	1	Kuliah	20			40	50
<b>HPK2</b>	Menerangkan kepentingan Internet dan rangkaian komputer bagi perkongsian maklumat.	A3	• Pembentangan	2	1	Tutoran		20			40
<b>HPK3</b>	Mereka bentuk rangkaian dan aplikasi yang bersesuaian dengan keperluan organisasi.	P3	• Reka bentuk rangkaian	5	1	Tutoran			20		30
<b>JUMLAH/ TOTAL</b>							<b>20%</b>	<b>20%</b>	<b>20%</b>	<b>40%</b>	<b>120 jam</b>